

20 SEP 2002
BELANJAWAN-IKS
CUKAI KORPORAT IKS KINI 20 PERATUS

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Cukai korporat bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta dikurangkan daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Dalam ucapan belanjawan 2003 di Parlimen di sini Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, ini selaras dengan dasar untuk menggalakkan pelaburan tempatan, terutamanya di kalangan IKS yang kurang mendapat manfaat daripada galakan cukai yang disediakan.

"Dalam hubungan ini, Kerajaan akan kehilangan hasil anggaran sebanyak RM270 juta," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bagi meningkatkan lagi pelaburan tempatan, sektor korporat digalakkan untuk menambah kegiatan melabur semula. Di bawah pakej galakan pelaburan semula semasa, syarikat taraf perintis perlu menamatkan tempoh perintisnya terlebih dahulu sebelum layak menikmati galakan pelaburan semula.

Untuk membolehkan syarikat taraf perintis mempercepatkan pelaburan semula mereka, Dr Mahathir mencadangkan agar syarikat diberi pilihan untuk menikmati elaun pelaburan semula dengan syarat syarikat menyerahkan balik galakan taraf perintisnya.

Bagi mempercepatkan penyertaan pelabur tempatan dalam industri berteknologi tinggi serta dapat menembusi dan menguasai pasaran eksport dengan cepat, menteri kewangan mencadangkan agar kos bagi pengambilalihan syarikat asing di luar negara oleh syarikat milik tempatan diberi elaun 20 peratus selama 5 tahun.

-- BERNAMA

AKT OS